

13/05/2002

Dua bersaudara juara catur Kebangsaan

PETALING JAYA, Ahad - Dua bersaudara Marcus Chan dan Nicholas Chan masing-masing muncul juara kategori lelaki bawah 20 tahun dan 16 tahun Pertandingan Catur Kumpulan Umur Kebangsaan 2002 di Hotel Pearl International di sini, hari ini.

Kategori perempuan bawah 20 tahun pula dimenangi Shafawati Ishak manakala kategori perempuan bawah 16 tahun dijuarai Balqis Restu Robil.

Mereka adalah antara 245 peserta dari seluruh negara mengambil bahagian dalam enam kategori bawah umur lelaki dan perempuan dalam kejohanan selama tiga hari yang berakhir hari ini.

Pemenang lain ialah Ernest Chia Chuan Ping (lelaki bawah 14 tahun), Nur Shazwani Zulkafli (perempuan bawah 14 tahun), Loke Zhi Kin (lelaki bawah 12 tahun), Wan Khye Then (perempuan bawah 12 tahun), Ahmad Nordin (lelaki bawah 10 tahun), Adeline Gan (perempuan bawah 10 tahun), Yeap Eng Chiam (lelaki bawah lapan tahun) dan Alia Anin Azwa Bakri (perempuan bawah lapan tahun).

Hadiah disampaikan Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Zakaria Abdul Wahab, yang mewakili Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah Penanung Persekutuan Catur Malaysia (MCF).

Turut menyampaikan hadiah ialah Presiden MCF, Datuk Rosli Abdul Aziz; Presiden Kehormat MCF, Datuk Chin Nam, dan Naib Presiden MCF, Ibrahim Abu Bakar.

Pemenang pada kejohanan kali ini akan dipilih mewakili negara di kejohanan peringkat antarabangsa mengikut kategori umur serta kejohanan persahabatan di antara Malaysia dan Singapura.

(END)